



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

2025: KESUMA PERKUKUH KOMITMEN TERHADAP KEBAJIKAN PEKERJA DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) komited untuk memperkukuhkan pembangunan modal insan, melindungi hak pekerja, dan meningkatkan daya saing tenaga kerja negara selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI yang akan memberi penekanan kepada akta dibawah KESUMA dan Latihan untuk pekerja. Berikut adalah inisiatif utama yang akan dilaksanakan oleh KESUMA:

1. Latihan dan Kursus Peningkatan Kemahiran

KESUMA komited untuk menyediakan pelbagai **program latihan dan kursus** sejajar dengan peruntukkan dari Pembentangan Bajet 2025 yang memperuntukkan sebanyak RM 3 juta untuk latihan dan peningkatan kemahiran pekerja agar lebih berdaya saing. Usaha ini dirancang sejajar dengan keperluan industri, memastikan pekerja Malaysia bersedia menghadapi cabaran ekonomi global yang dinamik.

2. Dasar Sumber Manusia

Kementerian akan terus melaksanakan **Dasar Sumber Manusia**, termasuk pelaksanaan polisi yang menyokong pembangunan tenaga kerja berkualiti tinggi serta memperluaskan peluang pekerjaan bagi semua lapisan masyarakat. Dasar ini menjadi teras kepada usaha Kementerian untuk mewujudkan tenaga kerja yang kompeten, berdaya tahan, dan berdaya saing, sejajar dengan matlamat Ekonomi MADANI.

3. Reformasi 28 Akta dibawah KESUMA

Sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh untuk meningkatkan keadilan dan kesejahteraan pekerja, KESUMA sedang giat melaksanakan reformasi terhadap 28

Akta-akta dibawah KESUMA untuk memastikan ia selaras dengan perkembangan semasa dan *standard* antarabangsa.

4. Hak dan Perlindungan Sosial Pekerja

KESUMA akan terus memperkukuhkan **perlindungan sosial** dengan memperkenalkan Skim Keselamatan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) dibawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

5. Perhubungan dengan Kesatuan Sekerja

KESUMA akan terus memperkukuhkan hubungan dengan kesatuan sekerja bagi memastikan keharmonian industri.

6. Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan melalui Inisiatif Rekayasa

Untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan, KESUMA akan terus melaksanakan **inisiatif rekayasa** untuk memperbaiki sistem perkhidmatan, memastikan ia lebih responsif, mesra pengguna, dan memenuhi keperluan semua pihak berkepentingan.

KESUMA percaya bahawa pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini akan memperkukuhkan daya saing negara, menjamin kesejahteraan pekerja, dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan, seimbang, dan inklusif.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

7 JANUARI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	